



PETIKAN AKHBAR

1MDB, SRC failkan tuntutan sivil bagi pemulangan aset bernilai lebih RM96.6 bilion - MoF

PETIKAN AKHBAR | 10 MEI 2021



KUALA LUMPUR, 10 Mei -- Kementerian Kewangan (MoF) hari ini mengesahkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan SRC International Sdn Bhd (SRC) telah memfailkan sejumlah 22 tuntutan sivil untuk pemulangan aset dengan jumlah keseluruhan melebihi RM96.6 bilion, termasuk kira-kira RM300 juta tuntutan terhadap pelbagai pihak tempatan.

Katanya writ telah difailkan pada 7 Mei terdiri daripada enam oleh 1MDB dan 16 oleh SRC.

Writ yang difailkan oleh 1MDB adalah terhadap sembilan entiti (termasuk dua institusi kewangan asing) dan 25 individu manakala writ yang difailkan oleh SRC adalah terhadap 15 individu dan 8 entiti atas pelbagai kesalahan, menurut MoF dalam kenyataan hari ini.

Kesalahan itu termasuklah pelanggaran kewajipan kontrak, statutori, common law dan fidusiari, pecah amanah, frod, konspirasi frod, salah nyata frod, pecah kewajipan dan amanah secara frod, penyalahgunaan kuasa, pelanggaran kewajipan fidusiari di jawatan awam dan pecah amanah.

"1MDB dan SRC menyatakan bahawa entiti dan/atau individu ini telah mendapatkan pengkayaan tidak wajar melalui penerimaan wang secara salah daripada 1MDB atau SRC," katanya.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz berkata kerajaan akan meneruskan usaha sehingga semua pihak yang terlibat dipertanggungjawabkan sepenuhnya atas kesalahan kepada negara melalui penglibatan mereka dalam 1MDB dan/atau SRC.

"Berikutan kejayaan penyelesaian yang signifikan terhadap Goldman Sachs, AmBank Group dan Deloitte PLT, usaha kerajaan kini difokuskan untuk membawa ke muka pengadilan pesalah laku lain yang telah menyebabkan kerugian kepada 1MDB dan/atau SRC semasa pelaksanaan tugas mereka, sebagai pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pelbagai operasi dan urus niaga 1MDB dan/atau SRC," katanya.

Malaysia sebelum ini telah menerima RM10.5 bilion (US\$2.5 bilion) daripada Goldman Sachs pada Ogos 2020 dengan jaminan pemulangan aset selanjutnya sebanyak RM5.88 bilion (US\$1.4 bilion).

Tidak lama lagi, kerajaan juga akan menerima RM2.83 bilion daripada AmBank Group dan RM336 juta (US\$80 juta) daripada Deloitte PLT.

MoF berkata semua hasil daripada usaha pemulangan aset 1MDB termasuk penyelesaian akan datang dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Pemulangan Aset di bawah seliaan Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

"Penyelesaian ini tidak menjejaskan atau mengkompromi tuntutan Malaysia terhadap pesalah laku lain yang telah menyebabkan kerugian kepada 1MDB dan SRC, dan mereka akan tetap dihadapkan ke muka pengadilan melalui sistem perundangan jenayah dan sivil," katanya.

Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK I

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

PRICE OF PETROLEUM

HARGA MINYAK

BUDGET 2022

